

**PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN POLITIK  
MUHAMMAD IDAHAM: KAJIAN TERHADAP  
KEPIMPINAN MELAYU ISLAM DI BINJAI  
PROVINSI SUMATERA UTARA**

**RAZMAN ARIF**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2016**

**PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN POLITIK  
MUHAMMAD IDAHAM: KAJIAN TERHADAP  
KEPIMPINAN MELAYU ISLAM DI BINJAI  
PROVINSI SUMATERA UTARA**

oleh

**RAZMAN ARIF**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi ijazah  
Doktor Falsafah**

**Ogos 2016**

## **PENAKUAN**

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

3 Ogos 2016

Razman Arif

## **PENGHARGAAN**

Pujian dan syukur kepada Allah Swt. yang telah memberikan kekuatan kepada penyelidik untuk dapat menyelesaikan tesis Ph.D ini tepat pada waktunya. Salawat dan salam kepada Nabi Muhammad yang telah mengajar kepada umat manusia pentingnya ilmu pengetahuan.

Dalam penulisan tesis Ph.D ini penyelidik telah banyak melibatkan pelbagai pihak yang tidak dapat disebut satu persatu. Bahkan, penyelidik ingin mengatakan jujur tanpa bantuan dari pelbagai pihak sangat mustahil untuk menyelesaikan penulisan ini.

Untuk itu, sewajarnya penyelidik untuk mengucapkan terima kasih khas kepada Prof. Madya Dr. Muhammad Azizan Bin Sabjan selaku penyelia utama tesis ini yang telah menyisihkan waktu di tengah kesibukannya untuk membaca, mengoreksi sehingga tesis ini layak diajukan untuk sebagai syarat memenuhi tugas Ph.D. Penyelidik juga mengucapkan pujian yang setingginya kepada Naib Conselor dan timbalan-timbalannya, Dekan dan timbalan-timbalannya yang telah memberikan pelayanan selama penyelidik melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia.

Ucapan terima kasih juga penyelidik sampaikan kepada Rektor Dr. M. Asaad dan Dekan Fakultas Agama Islam Universitas Islam Sumatera Utara Drs. Burhanuddin Sitompul, MA yang telah memberikan kepercayaan kepada penyelidik untuk mengabdikan diri di universiti ini. Selain itu, ucapan terima kasih juga penyelidik sampaikan kepada Datuk Bandar Binjai, H. Muhammad

Idaham, SH, M.Si, berserta timbalan-timbalannya yang telah memberikan kepercayaan untuk menyiasat kepimpinan Melayu di Binjai.

Untaian doa kepada Ayah Bizarul Hakim Nasution (Allahu Yarham) dan Ibunda Siti Zulaika (Allahu Yarham), walaupun tidak pernah menyenam pendidikan tinggi, tetapi spirit mereka yang menghantar penyelidik untuk dapat menyelesaikan program Ph.D ini. Isteri penyelidik, Nur Elly Heriani Rambe, SAg, MM. Dan anak-anak penyelidik, Rizka Arif Puteri Madina Nasution, Anggita Putri Arif Nasution, Dhurriyatus Shifa Putri Arif Nasution, Neisyia Salsabila Putri Arif Nasution, Rizki Arif Putra Pratama Nasution, Putri Arif Farah Dhiba Nasution, Hawa Aura Hafiza Putri Arif Nasution dan Dzikrie Khalief Putera Arief Nasution.

Terakhir kepada rakan penyelidik yang turut membantu Habibullah, S.Ag, MA dan Andri Agam, SH. Demikian anugerah ini penyelidik sampaikan dan dengan segala kerendahan hati penyelidik mengharap masukan dan kritikan dari pembaca untuk membaiki tesis ini ke depan.

Razman Arif  
Bahagian Pengajian Islam  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang

## SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Kandungan	iv
Senarai Jadual	x
Transliterasi	xi
Senarai Singkatan	xv
Abstrak	xvii
Abstract	xix
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	18
1.3 Objektif Kajian	19
1.4 Tinjauan Kajian Lepas	20
1.5 Kepentingan Kajian	27
1.6 Metodologi Kajian	28
1.7 Organisasi Kajian	30
<b>BAB 2: LATAR BELAKANG KOTA BINJAI</b>	<b>32</b>
2.1 Pengenalan	32
2.2 Sejarah Awal	33
2.2.1 Binjai Masa Lalu	33
2.2.2 Binjai sebelum Kemerdekaan Indonesia	44

2.2.3 Ulama Pejuang Binjai	47
2.2.3(a) H. Abd. Halim Hasan	47
2.2.3(b) Abdur Rahim Haitamy	48
2.2.3(c) H. Zainal Arifin Abbas	48
2.2.3(d) H. Abdul Wahab Lubis	49
2.2.3(e) Mali Kayo Muhammad Jamil	49
2.2.3(f) Muhammad Yahya Nata	50
2.2.3(g) Baharuddin Ali	50
2.3 Monografi	56
2.3.1 Pemerintahan	57
2.3.2 Penduduk	77
2.3.3 Pertanian	86
2.3.4 Industri	90
2.4 Kebudayaan	93
2.4.1 Identiti Melayu Binjai	93
2.4.2 Budaya Melayu Binjai	98
2.4.2(a) Akikah	98
2.4.2(b) Khitan	100
2.4.2(c) Perkawinan	101
2.4.2(d) Merisik	101
2.4.2(e) Meminang	102
2.4.2(f) Berinai	103
2.4.2(g) Khatam al-Qur'an	103

2.4.2(h) Tepung Tawar	104
-----------------------	-----

### **BAB 3: KONSEP POLITIK DALAM KEPIMPINAN MELAYU ISLAM**

#### **DI KOTA BINJAI**

3.1 Pengenalan	105
3.2 Pengertian Kepimpinan Islam	106
3.2.1 Pengertian Kepempinan	106
3.2.2 Pengertian Islam	108
3.2.3 Kepimpinan Menurut al-Qur'an	115
3.2.3(a) <i>Khalifah</i>	115
3.2.3(b) <i>Imam</i>	118
3.2.3(c) <i>al-Malik</i>	120
3.2.3(d) <i>Wali</i>	122
3.3. Kepemimpinan Menurut Ulama	124
3.3.1 Syihab al-Dīn Ahmad bin Abī Rabi' (833-842 M)	124
3.3.2 Abū Nahir Muhammad bin al-Farakh al-Fārābī (870-950)	126
3.3.3 Abū al-Hasan 'Alī Ibn Muhammad Ibn Habib al-Mawardī (972-1058)	128
3.3.4 Abū Hāmid Muḥammad ibn Muhammad al-Ghāzālī (1058-1111)	131
3.3.5 Taqī al-Dīn Aḥmad bin 'Abd al-Salam bin 'Abd Allāh bin Taimiyah al-Harranī (1263-1328)	133

3.4 Identiti Kepimpinan Melayu	139
3.4.1 Pengetahuan yang Luas	140
3.4.2 Bijaksana	141
3.4.3 Akhlak Mulia	141
<b>BAB 4: LATAR BELAKANG MUHAMMAD IDAHAM</b>	148
4.1 Pengenalan	148
4.2 Keluarga	149
4.2.1 Ayah	149
4.2.2 Ibu	151
4.2.3 Asal Usul Nama	153
4.3 Pendidikan	157
4.3.1 Sekolah Dasar	157
4.3.2 Sekolah Menengah Pertama	158
4.3.3 Sekolah Mengah Atas	158
4.3.4 Universiti Negeri Jambi	159
4.3.5 Universiti Sumatera Utara	161
4.4 Pekerjaan	162
4.5 Organisasi	164
<b>BAB 5: PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN POLITIK</b>	
<b>MUHAMMAD IDAHAM</b>	172
5.1 Pengenalan	172
5.2 Pemikiran	172

5.2.1 Konsep Politik	173
5.2.2 Visi dan Misi	175
5.2.3 Strategi Membangun Bandar	177
5.2.3(a) Bidang Ekonomi	179
5.2.3(b) Bidang Kesehatan	181
5.2.3(c) Bidang Pendidikan	182
5.2.3(d) Bidang Keagamaan	186
5.2.4 Pembangunan Bandar	190
5.2.4(a) Ekonomi	190
5.2.4(b) Pendidikan	193
5.2.4(c) Kesehatan	196
5.2.4(d) Sosial, Politik, Budaya, Undang-undang dan Kemasyarakatan	198
5.2.5 Pemerintahan yang Baik	201
5.2.5(a) Deregulasi dan Reformasi Birokrasi	203
5.2.5(b) Pemberdayaan Perempuan	205
5.3 Perjuangan Politik	206
5.3.1 Sokongan Partai Keadilan Sejahtera (PKS)	207
5.3.2 Sokongan Partai Persatuan Pembangunan (PPP)	209
5.3.3 Sokongan Partai Bulan Bintang (PBB)	210
5.4 Strategi Politik	212
5.4.1 Penyelarasan Teman Sekolah	213
5.4.2 Sokongan Parti Islam	214

5.4.3 Kempen Bernuasa Islam	215
5.4.4 Pendekatan Kekeluargaan	218
<b>BAB 6: ANALISIS PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN</b>	
<b>POLITIK MUHAMMAD IDAHAM</b>	220
6.1 Pendahuluan	220
6.2 Sumbangan	221
6.2.1 Pendidikan	221
6.2.2 Perkhidmatan Kesihatan	225
6.3 Respon Masyarakat	231
6.3.1 Pro	232
6.3.2 Kontra	237
6.4 Analisis	246
<b>BAB 7: KESIMPULAN</b>	249
7.1 Dapatan Kajian	249
7.2 Saranan	259
7.1. Kepada Datuk Bandar	259
7.2 Kepada Pemimpin Melayu	259
7.3 Kepada Para Pengkaji	259
<b>BIBLIOGRAFI</b>	261
<b>LAMPIRAN</b>	271
8.1 Foto Muhammad Idaham	271

8.2 Senarai Temu Bual	272
8.3 Senarai Informan	277

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
1.1.1 Kelurahan dan Alam Sekitar Menurut Kecamatan	58
1.1.2 Bilangan Keputusan DPRD	59
1.1.3 Bilangan Anggota DPRD Hasil Pemilu 2009	61
1.1.4 Banyaknya Aktiviti DPRD	62
1.1.5 Banyaknya Peraturan Daerah	64
1.1.6 Banyak Kejayaan Suara Peserta Pemilu 2009	65
1.1.7 Bilangan Pegawai pada Pejabat Pejabat Jawatan Menurut Golongan	68
1.1.8 Bilangan Pegawai pada Pejabat Pejabat Jawatan Menurut Pendidikan	72
1.1.9 Penduduk Menurut Jenis Kelamin	77
1.1.10 Penduduk Menurut Golongan Umur	79
1.1.11 Perkembangan Kepadatan Penduduk	80
1.1.12 Kepadatan Penduduk	81
1.1.13 Pencari Kerja Menurut Tingkat Pendidikan	82
1.1.14 Jumlah Lowongan Pekerjaan Menurut Lapangan Usaha	83
1.1.15 Peratus Penduduk Menurut Status Pekerjaan Utama	85
1.1.16 Luas dan Pengeluaran Tanaman Bahan Makanan	86
1.1.17 Perkembangan Populasi Ternakan Besar	87
1.1.18 Pengeluaran Telur Unggas Berdasarkan Jenisnya	89
1.1.19 Banyaknya Syarikat Industri dirinci Menurut Jenis Industri	90
1.1.20 Potensi Produk Unggulan Industri	92

## PANDUAN TRANSLITERASI

Panduan merumikan perkataan, frasa, dan nama-nama khas dalam bahasa Arab yang dijelaskan di sini adalah berasaskan kaedah transliterasi yang digunakan di peringkat antarabangsa dan selaras dengan kaedah yang terdapat dalam Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Senarai Istilah Agama dan Daftar Istilah MBIM juga dijadikan rujukan semasa merumikan perkataan dan sebagainya.

### ABJAD ARAB

Abjad Arab dan sebutannya hendaklah ditransliterasikan mengikut panduan yang berikut:

Abjad	Sebutan Arab	Transliterasi Rumi
ا	(alif)	a
ب	(bā)	b
ت	(tā)	t
ث	(thā)	th
ج	(jīm)	j
ح	(hā)	h
خ	(khā)	kh
د	(dāl)	d
ذ	(dhāl)	dh
ر	(rā)	r
ز	(zāy)	z
س	(sin)	s
ش	(shin)	sh
ص	(sad)	s

ض	(dad)	d
ط	(tā)	t
ظ	(zā)	z
ع	(‘ayn)	‘
غ	(ghyn)	gh
ف	(fā’)	f
ق	(qāf)	q
ك	(kāf)	k
ل	(lām)	l
م	(mīm)	m
ن	(nūn)	n
و	(wāw)	w
ه	(hā)	h
ء	(hamzah)	,
ي	(yā)	y
ة	(tā marbutah)	h (ketika dimatikan bunyinya) ṭ (ketika perlu dihidupkan bunyinya)

### Konsonan

Semua huruf konsonan Arab ditransliterasikan berserta dengan bunyi barisnya.

Bunyi huruf akhir dimatikan

Tanpa ‘al’			Berserta ‘al’	
ا	اسم	ism	الاسم	al-ism
ب	ابل	ibil	الابل	al-ibil
ت	تمر	tamar	التمر	al-tamar
ظ	ظهر	zuhr	الظهر	al-zuhr
ي	يوم	yaum	اليوم	al-yaum

## Vokal Panjang

Semua vokal panjang atau madd (di atas, di bawah, dan di hadapan) ditandai dengan ā, ī, ū.

Di atas	di bawah	di hadapan
ادم     Ādam	إيلاء     īla'	أولى     ūlā
صفا     safā سُورَة     sūrat	قيل     qīla	سورة     sūrah,

## Baris Dua

Beberapa perkataan Arab yang perlu dinyatakan bunyi baris dua (tanwin) pada setiap masa hendaklah ditransliterasikan sepenuhnya tanpa dimatikan bunyi akhir.

رَاضِي     radin	مَعْنَى     ma'nān
قَاضِي     qadin	رَضِي     ridan

## Tashdīd/Shaddah

Huruf Arab yang bertashdid hendaklah ditransliterasikan dengan huruf rumi dan dinyatakan vokal sebelumnya.

بواب                             = bawwāb	حِي                                 = hay
---	---

## Nama Arab

Nama Arab, panggilan nama Arab, dan nama kitab Arab hendaklah dieja berdasarkan kaedah yang dijelaskan di atas. Huruf pertama bagi nama khas dicetak dengan huruf Besar. Lihat di bawah.

ابو بكر الصديق	Abu Bakr al-Siddiq
عمر بن العزيز	'Umar ibn <sup>+</sup> 'Abd al-'Azīz
ابن رشد	Ibn* Rushd

---

<sup>+</sup> ابن اصلها بن . Oleh itu kata ini hendaklah ditransliterasikan 'ibn' dan dicetak huruf kecil kerana fungsinya seperti 'bin'

\* 'Ibn' dieja dengan huruf besar jika fungsinya sebagai kata nama khas

الامام الشافعي                      al-Imām al-Shafi‘iy  
قاموس المحيط                      Qāmūs al-Muhit

Tiap-tiap perkataan dalam frasa nama ditransliterasikan satu per satu menurut kaedah yang dijelaskan di atas.

الفتوحات الكبرى                      al-Futūhāt al-Kubrā  
ام القرآن                              umm al-Qur’ān  
صدقة جارية                              sadaqat jāriyah  
sadaqah jariyat

## SENARAI SINGKATAN

AMPI	Angkatan Muda Pembaharuan Indonesia
ASPIDSUS	Asisten Pidana Khusus
BAPERJAKAT	Badan Pertimbangan Jabatan dan Kepangkatan
BBM	Bahan Bakar Minyak
CSR	Comunity Social Responsibility
DPRD	Dewan Perwakilan Rakyat Daerah
FKPAE	Forum Komunikasi Pemuka Antar Etnis
FKUB	Forum Kerukunan Umat Beragam
GP	Gerakan Pemuda
ICMI	Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia
JAMKESMAS	Jaminan Kesehatan Masyarakat
JASKESDA	Jaminan Kesehatan Daerah
KEJATISU	Kejaksaan Tinggi Sumatera Utara
KEPLING	Kepala Lingkungan
KEPSEK	Kepala Sekolah
KK	Kartu Keluarga
KORPRI	Korps Pegawai Republik Indonesia
KPU	Komisi Pemilihan Umum
KTP	Kartu Tanda Penduduk
MABMI	Majelis Adat Budaya Melayu
MPI	Majelis Pemuda Indonesia
PAD	Pendapatan Asli Daerah

PBB	Partai Bulan Bintang
PEMDA	Pemerintah Daerah
PEMKO	Pemerintahan Kota
PEMRED	Pimpinan Redaksi
PERDA	Peraturan Daerah
PERWAL	Peraturan Wali Kota
PKI	Partai Komunis Indonesia
PKS	Partai Keadilan Sejahtera
PNS	Pegawai Negeri Sipil
POLRI	Kepolisian Republik Indonesia
PPM	Pemuda Panca Marga
PPP	Partai Persatuan Pembangunan
PSL	Pengelolaan Sumberdaya Alam dan Lingkungan
PSMS	Persatuan Bola Sepak Medan Sekitar
PTUN	Pengadilan Tata Usaha Negara
PUSKESMAS	Pusat Kesehatan Masyarakat
SATPOL PP	Satuan Polisi Pamong Praja
SD	Sekolah Dasar
SKPD	Satuan Kerja Pemerintah Daerah
SMA	Sekolah Menengah Atas
SMP	Sekolah Menengah Pertama
TIN	Tentara Nasional Indonesia
UISU	Universitas Islam Sumatera Utara

**PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN POLITIK MUHAMMAD IDAHAM :  
KAJIAN TERHADAP KEPIMPINAN MELAYU ISLAM DI BINJAI  
PROVINSI SUMATERA UTARA**

**ABSTRAK**

Penyelidikan tesis ini mengkaji konsep kepimpinan Melayu Islam di Binjai. Fokus utama kajian ialah konsep kepimpinan Melayu Binjai, pemikiran dan perjuangan politik Muhammad Idaham dan analisis kedua-dua aspek tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan analisis data dengan memilih, memfokuskan, memudahkan, mengabstraksikan dan mentransformasikan daripada nota lapangan. Kemudian, menuliskan hasil yang diperolehi dari data-data yang ada dan selepas itu akan ditarik simpulan. Konsep politik dalam kepimpinan Melayu Islam Kota Binjai secara umum mengasaskan Islam di dalamnya kerana memang Islam dan Melayu merupakan sebuah entiti yang tidak dapat dipisahkan, termasuk dalam hal politik. Dalam konsep politik yang ada di dalam masyarakat Melayu Binjai juga sepenuhnya menjadikan Islam sebagai landasan etikanya dalam usaha mewujudkan politik Melayu seperti pengetahuan yang luas, bijaksana, akhlak mulia dan lain-lain. Kepimpinan Muhammad Idham sangat dipengaruhi oleh pemikiran politik Melayu yang selalu mengasaskan Islam. Sebab, ia lahir dan dibesarkan dalam keluarga Melayu, maka pengaruh identiti Melayu telah menyatu dalam dirinya. Hal ini dapat dilihat dari kepemimpinan Muhammad Idaham yang selalu berupaya menjadikan Islam sebagai landasan etika dalam polisi-polisi yang dilakukannya, di samping undang-undang yang ia fahami secara baik sehingga tidak ada yang bertentangan dengan undang-undang yang berlaku. Untuk itu, tentu

kepemimpinan Melayu tetap relevan dalam konteks kepemimpinan kontemporari. Sebab, kepimpinan yang dilakukan Muhammad Idaham mampu menunjukkan bahawa kepimpinan Melayu mampu memberikan usaha-usaha pembaikan bagi kehidupan masyarakat Bandar Binjai. Kepimpinan Muhammad Idaham ini tidak semua mendapatkan sikap pro dari masyarakat Bandar Binjai. Sebab, ada sebahagian lain yang kontra dengan kepimpinan, terutama polisi-polisi yang dilakukan Muhammad Idaham yang dinilai tidak benar-benar berpihak pada kepentingan masyarakat. Namun, bagi sebahagian masyarakat lain yang pro dengan polisi-polisi Muhammad Idaham justeru memang apa yang dilakukan Idaham sebagai sebuah terobosan yang tepat. Kenyataan ini menunjukkan bahawa selain perbezaan dalam memahami kepemimpinan Muhammad Idaham juga adanya kesan kepentingan politik di dalamnya untuk melemahkan kepemimpinan Muhammad Idaham. Namun, tentu saja sikap kontra yang diberikan masyarakat kepada Muhammad Idaham menjadi masukan dalam usaha pembaikan kepimpinannya selanjutnya. Dalam konteks kepimpinan Melayu ini, penyelidikan ini mendapati perkaitan kepimpinan Melayu dalam kehidupan politik masyarakat bandar. Sebab, kepemimpinan Melayu yang berasaskan Islam memberi penegasan etika di dalamnya, sehingga segala bentuk penyimpangan kepimpinan sangat sedikit yang mungkin berlaku kerana adanya etika Islam di dalamnya sebagai pengawas. Penegasan kepimpinan Melayu dalam kehidupan modern masih menjadi sesuatu yang harus dipertimbangkan sebagai alternatif di tengah krisis kepimpinan.

**THE THOUGHT AND POLITICAL STRUGGLE OF MUHAMMAD  
IDAHAM, A STUDY OF MALAY ISLAMIC LEADERSHIP IN BINJAI  
NORTH SUMATERA PROVINCE**

**ABSTRACT**

The investigation of this thesis examines the concept of Malay Islamic leadership in Binjai. The main focus of the study is the concept of Malay leadership Binjai, thought and political struggle Muhammad Idaham and analysts both these aspects. The study used qualitative methods to the analysis of the data by selecting, focusing, facilitate, abstracting and transforming than memorandum field. Then, write down the results obtained from the data available and after that will be drawn the conclusion. The concept of political Islam in the Malay leadership Binjai generally based on Islam in it because they did Islam and Malay is an entity that can not be separated, including in politics. In a political concept that is in the Malay community Binjai also fully make Islam as the foundation of ethics in an effort to realize the Malay politics as extensive knowledge, wise, noble character and others. Leadership of Muhammad Idaham greatly influenced by Malay political thought that always puts the principles of Islam. Therefore, he was born and raised in a family of Malay, the Malay identity influences have been fused in him. It can be seen from the leadership of Muhammad Idaham which seeks to make Islam as the foundation of ethics in the police that he did, in addition to laws that he understand it well so that no conflict with applicable laws. For that, of course Malay leadership remain relevant in the context of contemporary leadership.

Therefore, the leadership of Muhammad Idaham able to indicate where the Malay leadership capable of giving businesses a full restore to people's lives Bandar Binjai. Leadership of Muhammad Idaham not all get pro attitude of society Bandar Binjai. Therefore, there is another sebahagian counter with leadership, especially the policies of Muhammad Idaham are assessed not really in favor of the interests of the community. However, for some other community pro with cops Muhammad Idaham indeed precisely what Idaham as a breakthrough right. This fact indicates that in addition to the distinction in understanding the leadership of Muhammad Idaham also the appearance of political interest in it to weaken the leadership of Muhammad Idaham. But, of course, given the attitude of society to counter Muhammad Idaham be input in an effort to further its lead repairs. In the context of this Malay leadership, this investigation found Docking Malay leadership in the political life of the city community. Therefore, the Malay leadership is based on Islam affirms ethics in it, so that all forms of leadership are very slight irregularities that may apply because they said there Islamic ethics in it as a supervisor. Affirmation of the Malay leadership in modern life is still something that should be considered as an alternative in the midst of a crisis of leadership.

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Melayu<sup>1</sup> dalam sejarah panjangnya sekurang-kurangnya telah menjadi perhatian para ahli sejarah. Sebab, sejauh pengkajian ini dilakukan banyak ditemui pelbagai sumber-sumber yang menjelaskan tentang sejarah awal Melayu tersebut. Menurut Claude Guillot<sup>2</sup> dan Ismail Hussein, et.al.,<sup>3</sup> banyak teori yang muncul berkaitan tentang sejarah Melayu asal usul Melayu.<sup>4</sup> Kenyataan ini sekurang-kurangnya menunjukkan bahawa Melayu merupakan sebuah kajian yang sampai saat ini merupakan kajian yang tetap menarik dan relevan untuk dilakukan.

Menurut teori antropologi, bangsa Melayu berasal dari percampuran dua bangsa, iaitu proto Melayu dan Deutero Melayu. Proto Melayu adalah bangsa Mongoloid, dianggarkan berhijrah ke Nusantara tahun 2500-1500 SM, kemungkinan mereka berasal dari daerah Provinsi Yunnan di Selatan China, New Guinea atau Kepulauan Taiwan. Sementara bangsa Deutero Melayu berasal

- 
1. Nama Malaya dan Melayu berasal dari kata yang sama, iaitu kata Sanskerta malaya yang bererti bukit. Kata tersebut berkembang di dua tempat yang berbeza. Di sebelah utara Selat Melaka, kata tersebut mempertahankan bentuk asli malaya; di serang selatan kata tersebut mengalami perubahan bunyi menjadi melayu. Di daerah Orissa, masih ada gunung yang bernama Malayagiri, di dekat ujung Comorin ada lagi gunung yang bernama Malayam. Bentuk tersebut terang turunan dari bentuk kata Sanskerta malaya. Dalam bahasa Tamil kata malay berubah menjadi malai, yang bermaksud bukit. Slamet Muljana (2006), *Sriwijaya*, Yogyakarta: LKiS (Selanjutnya dirujuk sebagai: Slamet Muljana, *Sriwijaya*), m.s. 143, Muhammad Nuquib al-Attas (1972), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia (Selanjutnya dirujuk sebagai: al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*), m.s. 11.
  2. Ia sejarahwan dari institusi penyelidikan École française d'Extrême-Orient, Perancis.
  3. Ismail Hussein, at.al., (1997), *Tamadun Melayu: Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu*, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Ismail Hussein, at.al., *Tamadun Melayu: Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu*), m.s. 141.
  4. Claude Guillot, ed., (2001). *Lobu Tua: Sejarah Awal Barus*, vol. i, Jakarta: Obor Indonesia. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Claude Guillot, *Lobu Tua: Sejarah Awal Barus*), m.s. 78.

dari dataran Asia Tengah dan Selatan, yang datang ke Nusantara pada tahun 300 SM. Dianggarkan kedatangan Deutero Melayu membawa pengaruh budaya India yang kuat dalam sejarah Nusantara dan Asia Tenggara.<sup>5</sup>

Menurut teori sejarah sebagaimana yang diyakini Robert Heine Geldern ada kemungkinan Melayu berasal dari hulu Sungai Brahmaputra, Irrawaddy, Salween, Yangtze dan Hwang. Pendapat ini dikuatkan dengan penemuan sejenis kapak yang mempunyai bentuk dan jenis sama dengan yang ada di kawasan wilayah Melayu. Berdasarkan hal ini Geldern berkesimpulan bahawa kapak tua tersebut dibawa ke Asia Tengah menuju kepulauan Melayu.<sup>6</sup>

Menurut teori linguistik sebagaimana yang dikemukakan J.H.C. Kern bahawa diduga melayu berasal dari Madagascar, Filipina, Taiwan dan Lautan Pasifik kerana secara linguistik nama tumbuh-tumbuhan, haiwan dan perahu sama seperti yang dikenali di kawasan Melayu. Berdasarkan hal ini Kern berkesimpulan kalau Melayu berasal dari induk yang ada di Asia.<sup>7</sup>

Secara am dapat ditegaskan bahawa Melayu bukan hanya berkaitan tentang masalah etnisitas budaya semata-mata, tetapi lebih daripada itu Melayu juga merupakan entiti yang tidak dapat dipisahkan dari sebuah identiti masyarakat yang menyebut dirinya Islam.<sup>8</sup> Dalam konteks tertentu penukaran keagamaan dalam masyarakat Dayak misalnya secara berperingkat

---

5. Bernard H.M. Vlekke, (2008), *Nusantara: A History of Indonesia*, terj. Zaim Rofiqi dan Mardi Siswoko Bakti, Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia (Selanjutnya dirujuk sebagai: Bernard H. M. Vlekke, *Nusantara: A History of Indonesia*), m.s. 10, Parakitri T. Simbolon, (2006), *Menjadi Indonesia*, Jakarta: Kompas. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Parakitri T. Simbolon, *Menjadi Indonesia*), m.s. 7.

6. *Ibid.*,

7. *Ibid.*,

8. Uli Kozok, (2006), *Kitab Undang-undang Tanjung Tanah: Naskah Melayu yang Tertua*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Uli Kozok, *Kitab Undang-undang Tanjung Tanah: Naskah Melayu yang Tertua*), m.s. 82.

mengakibatkan perubahan identiti mereka menjadi Melayu; istilah Melayu tempatan untuk proses ini adalah “masuk Melayu” (menjadi Melayu) atau kadang-kadang disebut “turun Melayu”. Nampaknya, pendapat ini juga berlaku pada masyarakat lain.

Tentang hal ini, menurut Victor T. King:

“... Gradually over time religious conversion would result in a reclassification of the Dayak converts as Malays; the local Malay term for this process is *masuk* Melayu (‘to become Malay’ or ‘to enter Malaydom’) or sometimes *turun* Melayu (‘to come down [and become] Malay’).<sup>9</sup>”

(... Secara berperingkat dari masa penukaran agama akan menghasilkan reklasifikasi Dayak menukar sebagai Melayu; istilah Melayu tempatan untuk proses ini adalah masuk Melayu (‘untuk menjadi Melayu’ atau ‘untuk masuk Melayu’) atau kadang-kadang turun Melayu (untuk datang turun [dan menjadi ] Melayu).

Kerana memang dalam konteks pengalaman sejarah Melayu hampir-hampir tidak boleh dipisahkan dari pengaruh Islam di dalamnya.<sup>10</sup> Sebab, Islam sebagai sebuah agama telah menyatu dalam wujud kebudayaan dan kehidupan masyarakat Melayu. Menarik untuk dikemukakan di sini sejauh pengamatan yang pengkaji lakukan dalam pengalaman di Sumatera Utara yang dikenali dengan masyarakat yang pelbagai etnik dan budaya. Untuk daerah yang berpusat etnik Batak dan Karo yang umumnya beragama Kristian sebutan daerah yang terdapat orang-orang Islam di dalamnya adalah dengan nama seperti “kampong

---

9. Victor T. King, (1993), *The People of Borneo*. Oxford: Blackwell. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Victor T. King, *The People of Borneo*), m.s. 31.

10. Taufik Adnan Amal dan Samsu Rizal Pangabeian, (2004), *Politik Syariat Islam: Dari Indonesia hingga Negeria* (Selanjutnya dirujuk sebagai: Taufik Adnan Amal dan Samsu Rizal Pangabeian, *Politik Syariat Islam: Dari Indonesia hingga Negeria*), Jakarta: Pustaka Alvabeta, m.s. 175.

Melayu” atau “orang Melayu”. Kenyataan ini sekurang-kurangnya mengukuhkan identiti Melayu adalah Islam dan sebaliknya Islam adalah Melayu untuk kes masyarakat yang minoriti masyarakat Islam di dalamnya.

Tentang entiti Islam dan Melayu ini menurut Jane Drakard:

The tendency, which was noticed by observers from the seventeenth century onwards, for Bataks to move to the coast and undergo Malayization is not unique to Barus. Malay kingdoms frequently absorbed non-Malay peoples living on their fringes, and in east Sumatra during the nineteenth century the Malay sphere was noticed to be expanding into what was previously Batak territory.... In modern Malay society the acceptance of Islam is considered to be equivalent to becoming Malay, to “masuk Melayu”. But, in the past, and in Sumatra apparently, religion was by no means the only indicator of Malay identity.<sup>11</sup>

(Kecenderungan, yang diperhatikan oleh pemerhati dari abad ketujuh belas, untuk orang Batak yang pindah ke pantai dan mengalamisasi melayunisasi tidak hanya terjadi di Barus. Kerajaan melayu sering diterima masyarakat bukan Melayu yang hidup di pinggir, dan Timur Sumatra selama abad kesembilan belas wilayah Melayu itu pengembangan ke apa yang sebelumnya disebut wilayah Batak .... Dalam masyarakat Melayu moden yang diterimanya Islam dianggap setara dengan menjadi Melayu, untuk “masuk Melayu”. Akan tetapi, di masa lalu di Sumatra nampaknya agama sama sekali bukan satu-satunya penunjuk identiti Melayu).

Berdasarkan penjelasan yang dikemukakan Drakard ini sekurang-kurangnya dapat difahami bahawa keidentikan Melayu dengan Islam memang sesuatu kenyataan yang memang agak sukar dibantahkan. Kerana memang kenyataan ini disokong bahawa dalam pengalaman masyarakat Melayu bahawa sifat-sifat Islam sangat nyata dan menyatu dalam budaya masyarakat Melayu

---

11. Jane Drakard, (1990). *A Malay Frontier: Unity and Duality in A Sumatra Kingdom*, New York: Southeast Asia Program Cornell University. (Selanjutnya dirujuk sebagai Jane Drakard, *A Malay Frontier*), m.s.9.

tersebut. Bahkan, dalam pengalaman masyarakat Melayu orang yang masuk ke Islam sering disebut dengan istilah “masuk Melayu”.<sup>12</sup>

Identiti Islam dan Melayu tentu saja tidak selamanya menjadi justifikasi bahawa Melayu sepenuhnya merupakan identiti dari Islam itu sendiri. Secara konvensional Islam dapat dibezakan dengan Melayu sebagai sebuah identiti budaya. Sebab, Islam sebagai agama difahami sebagai sebuah sistem kepercayaan yang berpunca dari Tuhan yang bersifat kekal, sedangkan Melayu sebagai identiti kebudayaan merupakan sebuah hasil dari rasa dan karsa manusia yang bersifat berubah. Secara lebih terperinci Endang Saifuddin Anshari menegaskan kebudayaan adalah hasil karya, cipta, pemrosesan, pengerahan dan pengarahan manusia terhadap alam dengan kekuatan jiwa, fikiran, perasaan, kemampuan, intuisi, imaginasi, raga dan fakulti-fakulti rohaniah yang lain, yang menyatakan diri dalam pelbagai kehidupan rohaniah dan kehidupan lahiriah manusia.<sup>13</sup>

Dalam banyak hal identiti Islam dan Melayu ini selalu saja dijadikan sebagai justifikasi kepentingan yang ada di dalamnya. Untuk itu, tentu keidentikan Islam dan Melayu harus difahami bahawa Melayu memang

---

12. Ismail Hussein, (1990), *Antara Dunia Melayu dengan Dunia Kebangsaan*. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia (Selanjutnya dirujuk sebagai: Ismail Hussein, *Antara Dunia Melayu dengan Dunia Kebangsaan*), m.s. 68, Aswab Mahasin, (1996), *Ruh Islam dalam budaya bangsa: Aneka budaya Nusantara*. Jakarta: Yayasan Festival Istiqlal. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Aswab Mahasin, *Ruh Islam dalam Budaya Bangsa*), m.s. 23, Mahdini, (2003), *Islam dan Kebudayaan Melayu*, Riau: Daulat Riau. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Mahdini, *Islam dan Kebudayaan Melayu*), m.s. 3.

13. Endang Saifuddin Anshari, (2004), *Wawasan Islam: Pokok-pokok Pikiran tentang Paradigma dan Sistem Islam*. Jakarta: Gema Insani Press, (Selanjutnya dirujuk sebagai: Endang Saifuddin Anshari, *Wawasan Islam: Pokok-pokok Pikiran tentang Paradigma dan Sistem Islam*), m.s. 97, Koentjaraningrat, (1994), *Kebudayaan, Mentalitas dan Pembangunan*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, (Selanjutnya dirujuk sebagai: Koentjaraningrat, *Kebudayaan, Mentalitas dan Pembangunan*), m.s. 144.

merupakan sebahagian dari Islam itu sendiri. Akan tetapi, secara substansi tentu saja tidak tepat menegaskan Islam itu sebagai identiti Melayu itu sendiri.

Para ahli pengkaji Islam telah mengklasifikasi Islam pada tiga hal, iaitu Islam sebagai sumber, Islam sebagai pemikiran dan Islam sebagai amalan. Kaitan dengan ini lah Islam dan Melayu harus difahami bahawa Islam yang dimaksudkan identik dengan Melayu adalah Islam dalam amalan yang melahirkan budaya dan tamadun. Oleh sebab itu, tentu saja Islam dalam dataran sumber dan pemikiran berbeza dengan Islam dalam dataran amalan yang melahirkan budaya dan tamadun. Sebab, sebagaimana diketahui secara umum bahawa budaya dan tamadun Islam lahir dari refleksi terhadap pemahaman terhadap Islam itu sendiri, atau dalam klasifikasi Amin Abdullah ada yang disebut normativitas dan bukan normativitas.<sup>14</sup>

Pada dasarnya, dapat ditegaskan bahawa Islam harus difahami sebagai sebuah sistem ajaran agama dan Melayu sebagai sebagai sebuah sistem budaya. Oleh sebab itu, Islam yang diyakini sebagai sebuah ajaran yang berpunca dari Tuhan dan Melayu sebagai sistem budaya yang lahir dari akal budi manusia sebagaimana pengertian konvensional budaya. Namun, tentu saja harus ditegaskan pula bahawa Islam dan Melayu menjadi sehati disebabkan antara keduanya telah menyatu, iaitu ajaran agama dan kebudayaan sehingga diyakini bahawa kedua-duanya menjadi sehati.

---

14. M. Amin Abdullah, (1996), *Studi Agama: Normativitas atau Historisitas*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar. (Selanjutnya dirujuk sebagai: M. Amin Abdullah, *Studi Agama: Normativitas atau Historisitas*), m.s. 231, Baharuddin dan Buyung Ali Sihombing, (2005), *Metode Studi Islam*, Bandung: Citapustaka. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Baharuddin dan Buyung Ali Sihombing, *Metode Studi Islam*), m.s. 3, Nur A. Fadhil Lubis, (2000), *Introductory Reading Islamic Studies*, Medan: IAIN Press. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Nur A. Fadhil Lubis, *Introductory Reading Islamic Studies*), m.s. 75.

Menarik untuk dikemukakan di sini bahwa menurut Riwanto

Tirtosudarmo:

Identiti merupakan sesuatu yang selalu bisa dikonstruksi dan disesuaikan dengan keperluan. Sebagai contoh, seorang yang berasal dari Sulawesi Selatan yang di kampung halamannya tidak pernah mempersoalkan identiti etniknya, begitu berada di Sabah kerana harus bekerja akan boleh menangkap keperluan demi survival-nya untuk menyebut dirinya sebagai orang Melayu. Kesamaan agama yang diamalkan oleh orang Bugis dan orang Melayu, iaitu Islam, memudahkan bagi orang Bugis untuk mengaku sebagai orang Melayu dan dengan demikian akan diperoleh privilese-privalese sebagai layaknya orang Melayu atau Bumi Putera di Malaysia.<sup>15</sup>

Berdasarkan penjelasan yang dikemukakan Riwanto Tirtosudarmo jelas menunjukkan bahawa keidentikan Islam dan Melayu selalu hubungan agama dan budaya saja, tetapi juga dijadikan sebagai justifikasi kepentingan-kepentingan di dalamnya. Akan tetapi, tentu saja dari sisi tatanan budaya tidak memberi implikasi buruk terhadap keidentikan antara Islam dan Melayu tersebut.

Demikian juga halnya Melayu sebagai entiti masyarakat tentu saja tidak dapat memisahkan diri daripada sentuhan kuasa di dalamnya. Kerana memang Melayu sendiri merupakan sebahagian dari kekuasaan itu sendiri, yang tumbuh dan berkembang di kawasan yang berasaskan masyarakat Melayu.<sup>16</sup> Untuk itu, tentu hubungan Melayu dan kuasa adalah sesuatu yang tidak boleh dinafikan.

---

15. Riwanto Tirtosudarmo, (2007), *Mencari Indonesia: Demografi Politik Pasca Soeharto*. Jakarta: LIPI Press, (Selanjutnya dirujuk sebagai: Riwanto Tirtosudarmo, *Mencari Indonesia: Demografi Politik Pasca Soeharto*), m.s. 144.

16. Djohan Hanafiah, (1995), *Melayu-Jawa: Citra Budaya dan Sejarah Palembang*. Jakarta: RajaGrafindo Persada, (Selanjutnya dirujuk sebagai: Djohan Hanafiah, *Melayu-Jawa: Citra Budaya dan Sejarah Palembang*), m.s. 45.

Bahkan, sejarah mencatat jatuh dan banggunya kuasa Melayu juga bersentuhan secara langsung dengan entiti Islam di dalamnya.<sup>17</sup>

Entiti Islam dalam kuasa Melayu ini nampaknya merupakan representasi dari kekuasaan dinasti-dinasti Islam yang pernah berkuasa dalam sejarah Islam, terutama pada masa dinasti ‘Umayyah dan ‘Abbasiyah.<sup>18</sup> Menurut Muhammad Qutb, Dinasti Umayyah merubah sistem pemerintahan dari bentuk kekhalifahan ke bentuk kerajaan. Namun, mereka selalu berusaha memilih orang yang pantas untuk memegang kekuasaan. Sementara Abbasiyah menjadikan kekuasaan sebagai jabatan turun temurun secara bergulir. Bahkan, ketika giliran tersebut suatu saat sampai pada seorang anak kecil mereka tetap nobatkannya juga.<sup>19</sup>

Hal ini diperkuatkan contohnya sistem kuasa yang dijalankan yang cenderung sistem keturunan dan penguasa dijadikan sebagai penggambaran dari Tuhan atau sebagai “bayang-bayang Tuhan”<sup>20</sup> atau “penolong dunia dan agama” (*nasir al-dunya wa al-din*) yang harus dipatuhi,<sup>21</sup> yang mana itu semua dipraktikkan dalam sejarah dinasti-dinasti Islam sebelumnya. Namun, di sisi lain

- 
17. Azyumardi Azra, (1999), *Renaissans Islam Asia Tenggara: Sejarah Wacana dan Kekuasaan*, Bandung: Remaja Rosdakarya. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Azyumardi Azra, *Renaissans Islam Asia Tenggara*), m.s. 41.
  18. Ahmad Jelani Halimi, (2008), *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Dictributors. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Ahmad Jelani Halimi, *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*), m.s. 172.
  19. Muhammad Qutb (1995), *Kaifa Naktub al-Tarikh al-Islam*, terj. Chairul Halim dan Nabhani Idris. Jakarta: Gema Insani Press. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Muhammad Qutb (1995), *Kaifa Naktub al-Tarikh al-Islam*), m.s. 194.
  20. Antony Black (2001), *The History of Islamic Political Thought: From the Prophet to the Present*, terj. Abdullah Ali dan Mariana Ariestyawati. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Antony Black, *The History of Islamic Political Thought: From the Prophet to the Present*), Jakarta: Serambi Ilmu, m.s. 50, Imam Khomaini, (2002), *Islamic Government*, terj. Akma Syarif dan Prayudi, Jakarta: Pustaka Zahra. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Imam Khomaini, *Islamic Government*), m. s. 15.
  21. Munawir Sjadzali, (1990), *Islam dan Tata Negara: Ajaran, Sejarah dan Pemikiran*, Jakarta: UI Press. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Munawir Sjadzali, *Islam dan Tata Negara: Ajaran, Sejarah dan Pemikiran*), m.s. 78, Moh. Nurhakim, (2003). *Sejarah dan Peradaban Islam*, Jakarta: UMM Press. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Moh. Nurhakim, *Sejarah dan Peradaban Islam*), m.s. 21.

juga dikenal istilah “raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah” sebagai penunjuk bahawa adanya hak protes masyarakat, apabila kepimpinan Melayu tidak sesuai dengan Islam.<sup>22</sup>

Menurut Haron Daud dalam konteks hubungan kuasa ini sejarah tradisional Melayu menunjukkan bahawa politik lebih dititikberatkan kepada konsep raja dan kerajaan; sistem pemerintahan dan kekuasaan.<sup>23</sup> Kenyataan yang dikemukakan Daud ini menegaskan bahawa dalam konteks kuasa Melayu lebih menekankan kenyataan hubungan raja dan kerajaan sebagai usaha untuk mewujudkan kehidupan masyarakat Melayu.

Dalam kaitan ini menarik contohnya melihat bagaimana pemikiran dan perjuangan politik pemimpin Melayu, terutama ketika kuasa Melayu tidak lagi sebagai sebuah kuasa dalam makna kerajaan, terutamanya selepas wilayah Melayu berdiri sendiri.<sup>24</sup> Ertinya, kuasa Melayu tidak lebih hanya merupakan sebuah kuasa budaya semata-mata, tidak lagi dalam pengertian kuasa kerajaan sebagaimana dalam sejarah awal masyarakat Melayu.

Dalam konteks Melayu Sumatera Utara misalnya dalam pengalaman Melayu Langkat ada kesan bahawa masyarakat telah kehilangan kepercayaan

---

22. Ahmad Syafi'i Ma'arif, “Kata Pengantar: Menuju Demokrasi yang Berkeadilan”, dalam Azyumardi Azra (2005) *Dari Harvard hingga Makkah*, Jakarta: Penerbit Republika. (Selanjutnya dirujuk sebagai Ahmad Syafi'i Ma'arif, *Kata Pengantar*), m.s. xii.

23. Haron Daud (1989). *Sejarah Melayu: Satu Kajian dari pada Aspek Pensejarahan Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia. (Selanjutnya dirujuk sebagai Haron Daud, *Sejarah Melayu*), m.s. 85.

24. Dalam perkembangan kebelakangan, khususnya orang Melayu Sumatera Timur bukan hanya kehilangan kuasa, tetapi justeru juga terpinggir. Muhammad Alleh Lamry, (1996), *Mereka yang Terpinggirkan: Orang Melayu di Sumatera Utara*, Malaysia: Institut Alam Tamaddun Melayu. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Muhammad Alleh Lamry, (1996), *Mereka yang Terpinggirkan*), m.s. 93.

terhadap para pemimpin yang berasal dari masyarakat Melayu.<sup>25</sup> Kenyataan ini nampaknya berkaitan dengan sistem politik yang semakin demokratik dan tidak lagi terikat dengan budaya tertentu sehingga peranan kuasa politik masyarakat Melayu tidak lagi mutlak kewujudan seiring perkembangan kehidupan yang telah multikultural.

Dalam konteks pengalaman politik masyarakat Melayu di Langkat menurut catatan Abdul Chair:

“bahwa kekuatan politik orang Melayu Langkat sebenarnya juga bersumber pada kekuatan penduduk. Untuk 2007 jumlah orang Melayu diproyeksikan sekitar 14,93 % dari jumlah penduduk 1.027.414 jiwa, setelah suku Jawa 56,87 % sebagai mayoritas. Kemudian, suku Karo 10,22 %, Batak Toba 4,50 %, Mandailing 2,54 % dan lainnya 10,94 %. Walaupun masyarakat Melayu menempati urutan kedua dalam hal jumlah penduduk, tetapi sangat representatif untuk keunggulan dalam pemilihan Kepala Daerah. Akan tetapi, dalam beberapa kali perkembangan berikutnya justeru calon-calon dari masyarakat Melayu kalah di daerahnya”.<sup>26</sup>

Berdasarkan penjelasan Abdul Chair ini, dipertegas lagi kajian Gerry van Klinken yang mengatakan bahawa orang Melayu tidak mempunyai insentif untuk membentuk organisasi etnik formal dan institusi-institusi majlis Melayu yang ada juga cenderung lambat dalam melakukan lobi politik.<sup>27</sup> Jika demikian, boleh dikemukakan bahawa dalam perkembangan kekinian justeru menunjukkan

---

25. Tania Murray (2002), *Proses Transformasi Daerah Pedalaman di Indonesia*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, (Selanjutnya disebut sebagai: Tania Murray, *Proses Transformasi Daerah Pedalaman di Indonesia*), m.s. 369.

26. Abdul Chair (2010) “Menakar Kekuatan Politik Orang Melayu: Sebuah Catatan Antropologi dalam Pilkada Langkat” dalam Akhbar Waspada, Tarikh 21 Februari 2009. (Selanjutnya dirujuk sebagai Abdul Chair, *Menakar Kekuatan Politik Orang Melayu*), m.s. 8, T. Irmayani, (2010), “Perolehan Suara Partai Politik di Kabupaten Langkat 2009”, dalam Jurnal Politeia, vol. 2, No 1 Januari 2010, (Selanjutnya disebut sebagai: T. Irmayani, “Perolehan Suara Partai Politik di Kabupaten Langkat 2009”), m.s. 13-20.

27. Gerry Van Klinken, (2007). *Politik Lokal di Indonesia*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Gerry Van Klinken, *Politik Lokal di Indonesia*), m.s. 487.

bahawa semakin lemahnya kuasa Melayu yang justeru itu terjadi di kawasan yang berasaskan Melayu sendiri.

Menarik untuk dikemukakan di sini, berbeza dengan pengalaman Kabupaten Langkat di kawasan Kotamadya Binjai justeru tokoh yang berasal dari masyarakat Melayu mendapatkan sokongan untuk terpilih menjadi Datuk Bandar Binjai. Namun, berbeza dengan Kabupaten Langkat nampaknya Kotamadya Binjai sebagai sebahagian dari daerah yang berasaskan Melayu justeru terkesan merupakan daerah yang tidak banyak diteliti para pengkaji Melayu, baik di peringkat tempatan ataupun antarabangsa.

Sangat berkemungkinan sekali kenapa Binjai kurang untuk tidak disebut tidak banyak diteliti nampaknya sangat mungkin disebabkan Binjai yang merupakan sebahagian daripada Langkat menjadi salah satu alasan kenapa Binjai kurang mendapat perhatian. Sebab, Binjai dan Langkat sangat identik, baik dari segi budaya ataupun hal lain yang berkaitan dengan masalah Melayu.<sup>28</sup>

Menurut pengkaji Langkat lebih dikenali dan banyak diteliti. Sebab, Langkat merupakan pusat kebudayaan dan peradaban masyarakat Melayu kerana Kerajaan Langkat berada di daerah Langkat yang merupakan pusat masyarakat Melayu Langkat dan Binjai. Untuk itu, menurut pengkaji penyelidikan dan pengkajian lebih banyak diterfokus pada daerah Langkat berbanding Binjai.

Oleh kerana itu, pengkajian yang tentang Melayu selalu saja berkaitan dengan Langkat dan Binjai menjadi terkesan diabaikan. Padahal sebenarnya

---

28. Usman Pelly, et.al. (1986), *Sejarah Pertumbuhan Pemerintahan Kesultanan Langkat, Deli dan Serdang*. Jakarta: Depertemen Pendidikan dan Kebudayaan. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Usman Pelly, *Sejarah Pertumbuhan Pemerintahan Kesultanan Langkat, Deli dan Serdang*), m.s. 54.

melihat Melayu Langkat tentu saja harus dilihat dari Binjai yang merupakan identitas Melayu Langkat.

Kenyataan yang dikemukakan ini tentu saja diperkuat fakta bahwa Binjai mempunyai keunikan khusus, terutama dalam masalah kepemimpinan yang pernah memimpin di Binjai, umumnya berasal dari masyarakat Melayu. Namun, tentu saja Langkat dan Binjai merupakan sebuah daerah yang berpusat masyarakat Melayu.

Berkaitan dengan hal ini penting untuk ditegaskan bahwa Kotamadya Binjai awalnya adalah merupakan sebahagian dari Kabupaten Langkat, yang kemudian diotonomkan menjadi Kotamadya maka tentu saja dalam banyak hal, terutama budaya dan kecenderungan masyarakatnya boleh disebut sama seperti Kabupaten Langkat, termasuk dalam hal kepemimpinan Melayu di kawasan tersebut yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin Melayu.<sup>29</sup>

Walaupun harus diakui bahwa secara sejarah antara Kabupaten Langkat dan Binjai adalah merupakan suatu rumpun Melayu, tetapi Binjai justru terkesan kurang mendapat perhatian dari kalangan pengkaji Melayu. Bahkan, ada kesan Kotamadya Binjai sebagai Melayu pinggiran yang paling sedikit mendapat perhatian dalam pengkajian akademik. Untuk itu, tentu pengkajian ini merupakan salah satu daripada usaha untuk menjadikan Kotamadya Binjai sebagai pusat utama pengkajiannya, yang dipertegas lagi bahwa Datuk Bandar Binjai berasal dari pemimpin Melayu.

---

29. J. Fachruddin Daulay, *et.al*, (1994), *Sejarah Pemerintahan Kabupaten Daerah Tingkat II Langkat*, Langkat: Kerjasama Pemda Tingkat II Langkat dan Jurusan Sejarah Fakultas Sastra USU (Selanjutnya dirujuk sebagai: J. Fachruddin Daulay, *Sejarah Pemerintahan Kabupaten Daerah Tingkat II Langkat*), m.s. 54-60.

Selain itu, di Binjai juga dikenali seorang ulama dan penulis besar yang telah menghasilkan karya tafsir yang disebut-sebut sebagai karya pertama se-Asia Tenggara, iaitu Syeikh Abdul Halim Hasan, beliau adalah seorang penulis tafsir ahkam, yang ditulis pada masa penjajahan Belanda di Indonesia. Kemudian, tafsir ini pada tahun 1996 diterbitkan. Selain itu juga bersama-sama dengan dua orang rekannya juga menulis tafsir al-Qur'an sebanyak 9 (Sembilan) volume dan ini juga sedang dilanjutkan pasukan penulis pensyarah Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara.<sup>30</sup>

Untuk itu penting untuk ditegaskan bahawa Binjai—dahulunya—adalah merupakan Kewedangan Langkat Hulu yang kemudian dipindahkan ke Kota Stabat selepas Binjai diotonomkan kawasan perbandaran. Binjai sendiri dari segi sejarah dapat disebut—sampai saat ini—masih sangat sukar untuk ditemui maklumat yang boleh benar-benar diakui secara akademik yang mampu menjelaskan tentang sejarah Kotamadya Binjai. Sebab, ketika Binjai masih merupakan sebahagian daripada Kabupaten Langkat, terutama sebelum kemerdekaan Indonesia dahulunya jugas merupakan sebahagian daripada kesultanan Langkat yang pernah berkuasa.

Menurut maklumat yang berkembang berdasarkan sejarah narasi yang berkembang di tengah-tengah masyarakat Melayu, baik di Kabupaten Langkat

---

30. Abdul Halim Hasan, (1996) *Tafsir Ahkam*, Jakarta: Predana Media Group. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Abdul Halim Hasan, *Tafsir Ahkam*), m.s. xiii. Menurut Howard M. Federspiel karya tafsir Halim Hasan mewakili tafsir yang berasal dari Sumatera Timur. Howard M. Federspiel, (1996), *Kajian Al-Qur'an di Indonesia: Dari Mahmud Yunus hingga Quraish Shihab*, terj. Tajul Arifin. *Negeria* (Selanjutnya dirujuk sebagai: Howard M. Federspiel, *Kajian Al-Qur'an di Indonesia: Dari Mahmud Yunus hingga Quraish Shihab*), Bandung: Mizan, m.s. 6.

ataupun Kotamadya Binjai menjelaskan tentang sejarah awal Kotamadya Binjai tersebut. Menurut catatan *The History Municipality of Binjai*:<sup>31</sup>

Kota Binjai itu berasal dari sebuah kampung yang kecil terdapat di pinggir Sungai Bingai. Upacara adat dalam rangka pembukaan Kampung tersebut diadakan di bawah sebatang pohon Binjai (*mangifera caesia*) yang rindang yang batangnya amat besar, tumbuh kokoh di pinggir Sungai Bingai yang bermuara ke Sungai Wampu, sungai yang cukup besar dan dapat dilayari sampan-sampan besar yang berkayuh sampai jauh ke udik. Di sekitar pohon Binjai yang besar itulah kemudian dibangun beberapa rumah yang lama-kelamaan menjadi besar dan luas yang akhirnya berkembang menjadi bandar atau pelabuhan yang ramai didatangi oleh tongkang-tongkang yang datang dari Stabat, Tanjung Pura dan juga dari Selat Malaka. Kemudian, nama pohon Binjai itulah yang akhirnya melekat menjadi nama kota Binjai. Konon pohon Binjai ini adalah sebangsa pohon *embacang* dan istilahnya berasal dari bahasa Karo.

Tentang sejawah awal Binjai ini juga dinyatakan dalam nota Jhon Anderson yang diutus oleh Gabenor Inggeris pada tahun 1923 untuk pergi ke pesisir Sumatera Timur, dalam catatannya Anderson menulis:

Bingai was the name of a big shady tree that sturdily grew ... it was known that there was a village named Ba Bingai.<sup>32</sup>  
(Bingai adalah nama sebuah pohon besar yang rindang tumbuh kukuh ... diketahui bahawa ada sebuah desa bernama Ba Bingai).

Sebagaimana Melayu Kabupaten Langkat maka Binjai juga mengalami tarik menarik kepimpinan antara pemimpin yang berasal dari Melayu dengan pemimpin yang bukan berasal dari Melayu.<sup>33</sup> Sekurang-kurangnya ini terlihat dalam prosesi terpilihnya Datuk Bandar Binjai, iaitu Muhammad Idaham. Muhammad Idaham adalah merupakan Datuk Bandar yang berasal dari Melayu maka tentu saja kemenangan Muhammad Idaham sebagai Datuk Bandar Binjai

---

31. *The History Municipality of Binjai*, m.s. 1.

32. Jhon Anderson (1926) *Mission to The Eastcoast Sumatera*, Edinburgh: W. Blackwood. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Jhon Anderson, *Mission to The Eastcoast Sumatera*), m.s. 240.

33. Luckman Sinar Basyarsyah (2002), *Kebudayaan Melayu Sumatera Timur* (Selanjutnya dirujuk sebagai: Luckman Sinar Basyarsyah, *Kebudayaan Melayu Sumatera Timur*), Medan: Universitas Sumatera Utara, m.s. 94.

tentu saja tidak terlepas dari pengaruh Melayu di dalamnya. Sebab, sebahagian daripada masyarakat Kotamadya Binjai adalah masyarakat Melayu. Untuk itu, tentu dapat disebut bahawa kemenangan Muhammad Idaham adalah merupakan kemenangan politik masyarakat Melayu di dalamnya.<sup>34</sup>

Selain itu juga kemenangan pemimpin Melayu ini juga disokong oleh parti-parti Islam seperti Partai Keadilan Sejahtera (PKS),<sup>35</sup> Partai Persatuan Pembangunan (PPP)<sup>36</sup> dan Partai Bulan Bintang (PBB).<sup>37</sup> Sokongan parti-parti Islam ini sekurang-kurangnya menunjukkan bahawa Muhammad Idaham mendapat sokongan dari umat Islam yang direpsentasikan dalam parti-parti Islam.

Kerana memang parti Islam secara umum merupakan parti yang hanya didominasi umat Islam.<sup>38</sup> Sebab, parti-parti Islam menjadikan Islam sebagai

- 
34. Secara organisasi Muhammad Idaham mendapat sokongan dari Majelis Adat Budaya Melayu Indonesia (MABMI) untuk menjadi Datuk Bandar di Binjai, yang merupakan representasi dari masyarakat Melayu.
  35. Partai Keadilan Sejahtera (PKS) secara rasmi berdiri pada tarikh 20 April 2002 sebagai langkah strategik dalam menjawab hambatan berkaitan *electoral threshold*. Awalnya Parti ini bernama Partai Keadilan maka kerana alasan teknikal diubah namanya menjadi Partai Keadilan Sejahtera. Dengan demikian, maka visi dan misi parti ini tidak berubah dari Khittah Partai Keadilan dan walaupun ada perbezaan hanya dalam bentuk redaksional dan teknikal semata-mata. Atas dasar kesamaan visi dan misi tersebut maka musyawarah Majelis Syura Partai Keadilan ke-XIII yang berlangsung di Wisma Haji, Bekasi, Jawa Barat pada tarikh 17 April 2003, memutuskan Partai Keadilan menggabungkan diri dengan Partai Keadilan Sejahtera. Pada saat deklarasi, Partai Keadilan Sejahtera mempunyai pengurus di 30 DPW, 312 DPD dan 2155 DPC di seluruh Indonesia. M. Imdadun Rahmat (2008), *Ideologi Politik PKS: Dari Masjid Kampus ke Gedung Parlemen*, Yogyakarta: LKiS. (Selanjutnya dirujuk sebagai: M. Imdadun Rahmat (2008), *Ideologi Politik PKS*), m.s. 38.
  36. Partai Persatuan Pembangunan (PPP) adalah gabungan dari parti Islam seperti Partai Nahdatul Ulama, Partai Syarikat Islam Indonesia (PSII), Persatuan Tarbiyah Islamiyah (Perti) dan Persatuan Muslim Indonesia (Parmusi) dideklarasikan pada tarikh 5 Januari 1973.
  37. Partai Bulan Bintang (PBB) merupakan parti yang berasaskan Islam dan merepsentasikan dirinya sebagai lanjutan Partai Majelis Syura Muslimin Indonesia (Masyumi) yang pernah Berjaya pada masa orde lama, parti ini ditubuhkan pada tarikh 17 Julai 1998.
  38. Partai Persatuan Pembangunan (PPP), Partai Keadilan Sejahtera (PKS), Partai Bulan Bintang (PBB) merupakan parti Islam yang secara tegas menyebutkan landasan perjuangan politiknya berasaskan Islam. Al-Zastrouw Ng (2006), *Gerakan Islam Simbolik: Politik Kepentingan FPI*, Yogyakarta: LKiS, (Selanjutnya dirujuk sebagai: Al-Zastrouw Ng, *Gerakan Islam Simbolik*), m.s.3.

landasan perjuangan politiknya yang jelas sangat kontradiktif dengan parti-parti nasionalis-sekular, yang tidak menjadikan Islam sebagai isu sentralnya. Oleh sebab itu, sokongan parti-parti Islam kepada Muhammad Idaham menunjukkan kepercayaan parti-parti Islam kepada kepemimpinan Muhammad Idaham, yang dianggap tepat untuk memimpin masyarakat yang ada di daerah Binjai.

Kemungkinan hal lain yang dapat disebut nampaknya berkaitan khusus dengan Muhammad Idaham yang dikenali sebagai orang Melayu yang merupakan representasi dari umat Islam. Sebab, setakat ini Muhammad Idaham merupakan sebahagian dari tokoh masyarakat yang tidak pernah terlibat dalam persoalan yang dianggap merugikan masyarakat dan bangsa. Setakat ini Muhammad Idaham tidak pernah terlibat dalam kes-kes yang dianggap dapat mencemarkan nama baik, baik itu berkaitan dengan tugas dan fungsinya sebagai pegawai kerajaan ataupun hal yang bersifat peribadi. Alasan ini juga lah yang menegaskan bahawa Muhammad Idaham dapat menjadi contoh ideal pemimpin Melayu.<sup>39</sup>

Selain itu juga tentu berkaitan khusus dengan kiprah dan peranan Muhammad Idaham yang selama ini dikenali sebagai salah seorang pegawai kerajaan yang menjalankan tugas dan fungsinya secara baik. Untuk itu, tidak menghairankan kalau sokongan—umat Islam khususnya—kepada Muhammad Idaham merupakan sebuah penegasan bahawa Muhammad Idaham merupakan sosok pemimpin umat Islam yang dianggap tepat untuk memimpin.

---

39. Memandangkan pemimpin ideal masyarakat Melayu adalah amat prihatin dengan pandangan dan tingkah laku keberagamaanya. Depertemen Kebudayaan dan Pariwisata Indonesia, (2005), *Bunga Rampai Berpikir Positif Suku-suku Bangsa*, Jakarta: Depertemen Kebudayaan dan Pariwisata Indonesia. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Depertemen Kebudayaan dan Pariwisata Indonesia, *Bunga Rampai Berpikir Positif Suku-suku Bangsa*). m.s. 12.

Berdasarkan laporan Akhbar Waspada, berdasarkan mesyuarat pleno terbuka yang digelar Komisi Pemilihan Umum (KPU), pasangan Muhammad Idaham-Timbas ditetapkan sebagai pemenang suara terbanyak dengan 25.786 suara (23,06 peratus) dari total suara sah 111.826 suara dan mengalahkan lapan pasangan lain. Posisi kedua pemenang suara terbanyak dan ditetapkan mendampingi pasangan Idaham-Timbas ke pusingan kedua ditempati pasangan Zefri Januar Peribadi-Baskami Ginting dengan 22.213 suara atau 19,86 peratus, atau hanya unggul 126 suara dari pasangan Dhani Setiawan Isma-Meutya Hafid yang di kedudukan ketiga dengan 22.087 suara (19,75 peratus).<sup>40</sup>

Namun, sebagaimana lazimnya seorang pemimpin, dia saja pro dan kontra terhadap kepemimpinannya merupakan sesuatu yang alamiah saja. Kerana memang adanya pro dan kontra menunjukkan bahawa masyarakat mempunyai persepsi dan pandangan yang berbeza dengan apa yang dilakukan Muhammad Idaham sebagai seorang pemimpin.

Berkaitan dengan hal ini tentu kajian yang lebih komprehensif tentang pemikiran dan perjuangan politik Muhammad Idaham menjadi relevan dilakukan. Sebab, sebagaimana yang telah dikemukakan sebelumnya Muhammad Idaham yang merupakan sebahagian daripada kepimpinan Melayu maka tentu pemikiran dan perjuangan politiknya merupakan sebahagian dari pemikiran dan perjuangan politik masyarakat Melayu. Untuk mencari konsep yang lebih utuh tentang kepemimpinan Melayu menjadi sangat menarik dilakukan dalam mencari konsep pemikira dan perjuangan politik Melayu.

---

40. Akhbar Waspada, "Pilkada Binjai 2 Putaran", Tarikh 16 Mei 2010, m.s. 3.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Berdasarkan penjelasan sebelumnya dapat ditegaskan bahwa kepemimpinan Melayu memiliki peran tersendiri dalam upaya mewujudkan kehidupan masyarakat Islam. Sebab, kepemimpinan Melayu selalu cenderung pada upaya menjadikan Islam sebagai entitas dari kecenderungan kepinimpannya, Islam diterima secara luas oleh masyarakat Melayu karena Islam tidak mengenal Kasta dan menjunjung kesetaraan pada sesama manusia, sehingga memungkinkan keterlibatan semua lapisan Masyarakat dalam seluruh aspek kehidupan. Islam mempunyai dasar filosofis dan rasional yang kuat, mempengaruhi seluruh kehidupan orang Melayu dalam kehidupan sehari-hari Islam menjadi sumber panutan yang penting dan menjadi identitas orang Melayu. Keterpautan Islam dengan Melayu secara geografis dan Politis adalah hal yang tidak terelakkan, kepemimpinan Melayu memiliki jati diri yang kuat, mampu menyesuaikan diri terhadap perubahan, berdaya tahan tinggi, dan berperan aktif dalam kesenimbangan kehidupan Bangsa. Dalam perkembangan kekinian menunjukkan bahwa ada kesan masyarakat Melayu sendiri telah merasa kehilangan akan kepercayaan terhadap para pemimpin Melayu. Sebab, dalam pengalaman Melayu lokal di Sumatera Utara, khusus daerah-daerah yang berbasis Melayu justeru calon-calon pemimpin yang berasal dari Melayu tidak mendapatkan kepercayaan dari masyarakat Melayu itu sendiri sebagaimana mestinya.

Berdasarkan hal inilah permasalahan kajian ini akan difokuskan kepada pemikiran dan perjuangan politik Muhammad Idaham sebagai Datuk Bandar Binjai. Sebab, sebagaimana yang dikemukakan sebelumnya Melayu Binjai

merupakan Melayu “pinggiran” yang sangat sedikit dikaji oleh para penyelidik. Namun, di daerah ini justeru pemimpin Melayu dapat diterima secara baik dengan dibuktikan terpilihnya Datuk Bandar yang berasal dari masyarakat Melayu, yang mana justeru ini tidak ditemui di kawasan-kawasan yang berasaskan masyarakat Melayu yang lain.

Berkaitan dengan hal ini maka permasalahan kajian ini difokuskan kepada pemikiran dan perjuangan politik Datuk Bandar Binjai dalam mewujudkan Bandar Binjai yang dinamik dan berdaya saing sesuai dengan visi dan misi Datuk Bandar tersebut. Sebab, dengan mendeskripsikan pemikiran dan perjuangan politik Datuk Bandar Binjai ini diharapkan mampu menegaskan bagaimana pemikiran dan perjuangan politik Melayu dalam perkembangan semasa.

Berdasarkan hal yang telah dikemukakan di atas maka perbincangan kajian ini akan memfokuskan pada persoalan berikut:

- 1.1.1 Bagaimanakah latar belakang Binjai?
- 1.1.2 Bagaimanakah konsep kepimpinan Melayu dan Islam di Binjai?
- 1.1.3 Bagaimanakah latar belakang kehidupan Muhammad Idaham?
- 1.1.4 Bagaimanakah pemikiran dan perjuangan politik Muhammad Idaham?
- 1.1.5 Bagaimanakah sumbangan pemikiran dan politik Muhammad Idaham?

### **1.3 Objektif Kajian**

Untuk memudahkan kajian ini maka pentinglah dijelaskan objektif kajian ini yang merupakan inti dari kajian ini yang akan dikaji dalam pembahasan selanjutnya. Inti kajian ini adalah kajian tentang pemikiran dan perjuangan

politik Muhammad Idaham sebagai Datuk Bandar Binjai Provinsi Sumatera Utara, menyatukan pemikiran dan perjuangan politik Muhammad Idaham dengan keinginan memajukan Binjai menjadi utama, dan Islam sebagai dasar konsep kepemimpinan Melayu karena Islam bukan hanya sebagai Agama dan etika moral, maka ia juga sebagai landasan dan pandangan hidup pemimpin, oleh sebab itu Islam dan kepemimpinan Melayu selalu berjalan beriringan. Islam menjadi bagian dari kehidupan raja-raja dan Masyarakat Melayu, sebaliknya Masyarakat Melayu sangat identic dengan Islam. hal ini yang menjadi objektif kajian.

Berdasarkan hal yang telah dikemukakan di atas maka perbincangan kajian ini akan memfokuskan pada persoalan berikut:

- 1.1.1 Mengkaji latar belakang Binjai.
- 1.1.2 Mengenal konsep kepemimpinan Melayu dan Islam di Binjai.
- 1.1.3 Menganalisis latar belakang kehidupan Muhammad Idaham.
- 1.1.4 Mengenal pasti pemikiran politik Muhammad Idaham.
- 1.1.5 Mengetahui sumbangan pemikiran dan politik Muhammad Idaham.

#### **1.4 Tinjauan Kajian Lepas**

Tinjauan kajian lepas ini merupakan kajian yang diambil dari beberapa kajian yang telah dibuat oleh beberapa orang pengkaji dan penyelidik yang mempunyai pola yang sama dan bersesuaian dengan tajuk kajian ini. Sejauh pengkajian yang penulis lakukan belum ada kajian yang secara khusus mengkaji tentang pemikiran dan perjuangan politik Datuk Bandar Binjai. Untuk itu tentu kajian ini dimaksudkan sebagai kajian awal tentang tema ini.

Hasil kajian yang penulis lakukan karya-karya ilmiah yang berkaitan tentang pemikiran dan perjuangan politik Melayu sangat terhadap jumlah. Bahkan, kalau ingin disebut hanya beberapa sahaja pengkajian yang secara khusus menjadikan politik Melayu sebagai objek kajiannya. Sejauh pengkajian ini dilakukan belum ada penelitian khusus tentang pemikiran dan perjuangan politik Muhammad Idaham, ataupun politik Melayu di Binjai. Namun, tentu saja pengkajian umum tentang pemikiran dan perjuangan politik Melayu secara am menjadi sangat penting untuk ditegaskan. Sekurang-kurangnya untuk memudahkan dalam mencari pemikiran dan perjuangan politik Melayu di Binjai.

Menurut Faishal Shadik bahawa sistem politik Melayu cenderung kepada bentuk teo-monarki, pemerintahan berbentuk kerajaan yang pelaksanaannya mengikut undang-undang Tuhan, iaitu syari'at Islam.<sup>41</sup> Apa yang dikemukakan Shadik ini menjelaskan bahawa politik Melayu merupakan sebahagian daripada representasi dari politik Islam itu sendiri. Pendapat ini juga dipertegas oleh Azyumardi Azra yang mengatakan bahawa:

contoh lain berkenaan dengan Islam dan etnis atau komunitas Melayu di Malaysia modern. Islam dan Melayu menjadi identitas yang sama. Melayu identik dengan Islam; menjadi Melayu berarti menjadi penganut Islam; dan menjadi Islam berarti sekaligus menjadi Melayu.<sup>42</sup>

Berbeza dengan Shadik dan Azra, menurut Hussin Mutalib bahawa hubungan Islam dengan Melayu tidak selalu dalam keadaan stabil. Pada saat

---

41. Faishal Shadik (2007), *Politik Islam Melayu: Studi Pemikiran Raja Ali Haji 1808-1873*. Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga. (Selanjutnya dirujuk sebagai Faishal Shadik, *Politik Islam Melayu*).

42. Azyumardi Azra, (2002), *Reposisi Hubungan Agama dan Negara: Merajut Hubungan Antar Umat*. Jakarta: Penerbit Buku Kompas. (Selanjutnya dirujuk sebagai), m.s. 14.

tertentu, Islam memang menjadi kekuatan politik yang nyata, tetapi, pada saat lain, Islam menjadi instrumen kepentingan politik etnik, lalu menimbulkan konflik di kalangan masyarakat Melayu itu sendiri.<sup>43</sup> Pandangan Mutalib ini menegaskan bahawa dalam dinamika politik Melayu tidak selalu selaras dengan konsep Islam. Sebab, instrumen kepentingan jauh lebih dari hanya sekadar usaha untuk menjalankan politik Islam.

Tidak jauh berbeza dengan Mutalib, menurut AC Milner, justeru melihat adanya ketegangan yang inheren antara Islam dan Melayu. Sebab, amalan-amalan politik Kerajaan Melayu berlangsung di luar domain Islam.<sup>44</sup> Pendapat yang sama juga dipertegas oleh Oman Fathurahman, yang mengatakan:

“Alhasil, melacak akar-akar demokrasi dalam tradisi politik Islam Melayu, tak ubahnya bagai mencari sesuatu yang hitam dalam gelap: ada, tetapi tidak gampang mencarinya! Yang harus menjadi catatan penting kita adalah, betapa pengalaman telah menunjukkan bahwa perumusan sistem pemerintahan, apapun bentuknya, ternyata dihasilkan melalui persentuhan antara budaya yang pernah ada dengan “sesuatu” yang datang kemudian.<sup>45</sup>

Berikut ini akan dijelaskan beberapa kajian yang pernah dilakukan berkaitan dengan masalah kepemimpinan melayu di Binjai. Setakat ini tidak begitu banyak dijumpai pengkajian tentang politik di Binjai, tetapi sekurang-kurangnya ada beberapa kajian yang boleh disebut dapat menggambarkan tentang keadaan dan perkembangan politik di Binjai. Menurut kajian yang dilakukan Isabella Tarigan<sup>46</sup>

---

43. Hussin Mutalib, (1995), *Islam dan Etnisitas: Perspektif Politik Melayu*. Jakarta: LP3ES (Selanjutnya dirujuk sebagai Hussin Mutalib, *Islam dan Etnisitas*), m.s. 228.

44. AC. Milner. (1982), *Kerajaan: Malay Political Culture on the eve of Colonial Rule*. Tucson: University of Arizona Press Association of Asian Studies Monograph, 1982. (Selanjutnya dirujuk sebagai AC Milner, *Kerajaan: Malay Political Culture on the eve of Colonial Rule*), m.s. 35.

45. Oman Fathurahman (2001), *Demokrasi dalam Tradisi Politik Islam Melayu: Mencari Hitam dalam Gelap*, Jawa Pos, November 18 2001. (Selanjutnya dirujuk sebagai Oman Fathurahman).

46. Isabella Tarigan (2010), *Partisipasi Politik dan Pemilihan Umum: Suatu Studi tentang Perilaku Politik Masyarakat di Kelurahan Dataran Tinggi Kecamatan Binjai Timur pada*

tentang perilaku politik masyarakat tentang penyertaan politik pada pilihan raya menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat Binjai dilakukan untuk menyalurkan aspirasi masyarakat sebagai warga negara untuk memilih pemimpin, begitu juga penyertaan masyarakat dalam mengikuti kempen dengan motivasi yang berbeza, sedangkan penglibatan masyarakat dalam parti politik berdasarkan pengiraan keuntungan.

Kajian yang dilakukan Isabella ini menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat Binjai dalam politik berasaskan dengan adanya kesedaran tentang keuntungan yang akan diraih masyarakat politik, maka boleh disebut bahawa masyarakat Binjai bersifat aktif dalam politik disebabkan adanya kesedaran tentang apa saja yang akan diperolehi daripada kenyataan politik yang ada. Sedangkan dalam kajian Husnul Isa Harahap<sup>47</sup> mendapati bahawa ada kaitan antara motivasi memilih dengan sistem pemilihan presiden dan wakil presiden langsung tidak besar menunjukkan bahawa ada beberapa fenomena baru dari perilaku pemilih di Kota Binjai, iaitu : 1) semian otonomnya para pengundi, terutama dalam menentukan pilihan-pilihan. Ini dilihat dari jumlah presentase kenaikan dan pengurangan suara 2) konsenkuensi dari otonomnya para pengundi menjadi dipersoalkan keberkesanannya dari parti politik 3) munculnya teori baru bahawa faktor figur atau karisma menjadi pembolehubah penting dalam pemilihan pemimpin di masyarakat Kota Binjai.

---

*Pemilihan Presiden tahun 2009* (Medan: Departemen Ilmu Politik, Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Sumatera Utara), (Selanjutnya dirujuk sebagai Isabella Tarigan, *Partisipasi Politik dan Pemilihan Umum: Suatu Studi tentang Perilaku Politik Masyarakat di Kelurahan Dataran Tinggi Kecamatan Binjai Timur pada Pemilihan Presiden tahun 2009*), m.s. 228.

47. Husnul Isa Harahap (2009), "*Partisipasi Pemilih di Kota Binjai pada Pilpres Tahap I Tahun 2004*", dalam *Jurnal Politea*", vol. 1 Januari 2009. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Husnul Isa Harahap, "*Partisipasi Pemilih di Kota Binjai pada Pilpres Tahap I Tahun 2004*"), m.s. 23.

Sedangkan kajian tentang Melayu Binjai dilakukan Asman tentang masyarakat Melayu Binjai dengan tema kajian tentang “*Mitologi Melayu dalam Syair Dendang Siti Fatimah pada Masyarakat Melayu Binjai Timur: Kajian Strukturalisme*”<sup>48</sup> mendapati bahawa secara umum masyarakat Melayu masih sangat kuat pengaruh ideologi Islam dalam menjalankan tradisi yang diyakini kebenarannya sesuai dengan Islam. dalam kajian Asman ini juga didapati juga bahawa ideologi Islam pada masyarakat Melayu Binjai diyakini dalam bentuk 1) keyakinan akan kebenaran adanya Allah sebagai pencipta alam semesta, serta kepercayaan akan adanya malaikat. Kemudian, kepercayaan akan adanya rasul dan Muhamamd sebagai nabi terakhir. Lalu, percaya pada kitab-kitab suci Allah (taurat, injil dan al-Qur’an). Kemudian, percaya akan adanya hari akhir atau hari kiamat dan terkini percaya pada takdir Allah.

Secara khusus pengkajian yang pernah dilakukan berkaitan dengan politik masyarakat Melayu di dunia Melayu, terutama yang mengkaji tentang konsep dan peranan politik yang pernah dilakukan masyarakat Melayu. Kajian yang penting dikemukakan adalah kajian yang dilakukan Lily Zubaidah Rahim bertajuk tentang “*The Singapore Dilemma: The Political and Educational Marginality of the Malay Community*”.<sup>49</sup> Kajian ini dilakukan terhadap masyarakat Melayu yang sudah cenderung minoriti dalam mempertahankan dan memperjuangkan politiknya di tengah etnik lain. Kajian ini mendapati bahawa

---

48. Asman, (2012), *Mitologi Melayu dalam Syair Dendang Siti Fatimah pada Masyarakat Melayu Binjai Timur: Kajian Strukturalisme*. Medan: Sekolah Pascasarjana, Universitas Sumatera Utara, (Selanjutnya dirujuk sebagai: Asman, *Mitologi Melayu dalam Syair Dendang Siti Fatimah pada Masyarakat Melayu Binjai Timur: Kajian Strukturalisme*), m.s. 34.

49. Lily Zubaidah Rahim (1998), *The Singapore Dilemma: The Political and Educational Marginality of the Malay Community*, Kuala Lumpur: Oxford University Press. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Lily Zubaidah Rahim, *The Singapore Dilemma: The Political and Educational Marginality of the Malay Community*).